



BULETIN MBSP

BIL 1 / 2024





SIDANG REDAKSI

PENAUNG

YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
Datuk Bandar

PENASIHAT

TUAN HAJI BADERUL AMIN BIN ABDUL HAMID
Setiausaha Bandaraya

KETUA EDITOR

WAN JUNAIDY BIN YAHAYA

EDITOR

PUAN AMIRA BINTI AHMAD
ENCIK HASMIDI BIN ISMAI

JURUGAMBAR

ENCIK MOHD FAIZ BIN ABDUL HALIM
ENCIK MOHD FAKHREES BIN MOHD ALI

ISI KANDUNGAN

- 01 | MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH *PAM-MBSP ARCHITECTURAL DESIGN IDEAS COMPETITION* FOR PASAR AWAM BUKIT MERTAJAM - 4 JANUARI 2024
- 02 | PROGRAM TAUTAN KASIH MBSP BERSAMA *ONE HOPE CHARITY* TAHUN 2023 - 5 JANUARI 2024
- 03 | SATU LAGI PUSAT KITAR SEMULA DILANCARIAN DI KAWASAN PENTADBIRAN MBSP - PUSAT KITAR SEMULA TAMAN SEPADU, SPU - 6 JANUARI 2024
- 04 | MBSP TELAH MENERIMA PENGHARGAAN SEBAGAI AGENSI YANG MEMPEROLEH PENGANUGERAHAN / PENGIKTIRAFAN TERBANYAK DI PULAU PINANG - 9 JANUARI 2024
- 05 | PERHIMPUNAN KORPORAT BANDARAYA BIL. 1/2024 - 15 JANUARI 2024
- 06 | NIBONG TEBAL FESTIVAL - 21 JANUARI 2024
- 07 | MAJLIS PELANCARAN SEBERANG PERAI *CORPORATE PRIORITIES* 2024 - 23 JANUARI 2024
- 08 | SEBERANG PERAI *CYCLING DAY* SIRI 4/2024 - 27 APRIL 2024
- 09 | PROJEK REHABILITASI YANG PERTAMA DI MALAYSIA BAKAL DIBANGUNKAN DI TAPAK PELUPUSAN SANITARI PULAU BURUNG, SPS - 27 JANUARI 2024
- 10 | PROGRAM *WORLD WETLANDS DAY* 2024 DI SUNGAI TEMBUS - 27 JANUARI 2024
- 11 | PENJUALAN MINYAK MASAK TERPAKAI - 29 JANUARI 2024
- 12 | PERASMIAN PINTU GERBANG KEPALA BATAS - 29 JANUARI 2024



ISI KANDUNGAN



13 | REPLIKA PERIUK BESAR TELAH DIHASILKAN DENGAN MENGGUNAKAN BAHAN KITAR SEMULA - 4 FEBRUARI 2024

14 | MAJLIS PELANCARAN “GRPB CHAMPION AWARD MBSP” TAHUN 2024 - 7 FEBRUARI 2024

15 | MAJLIS PENYERAHAN KERUSI BATU DAN PENYAMPAIAN SIJIL KONTRAKTOR CEMERLANG PULAU AMAN - 20 FEBRUARI 2024

16 | PROGRAM FOREST BATHING SIRI 1 TAHUN 2024 DAN PENANAMAN POKOK BAKAU SEMPENA SAMBUTAN HARI TANAH LEMBAP (*WORLD WETLANDS DAY*) TAHUN 2024 - 26 FEBRUARI 2024

17 | OPERASI *CROW SHARPSHOOTER (OPS CroSS)* MBSP EDISI MINI 1 TAHUN 2024 - 2 MAC 2024

18 | *CHINESE NEW YEAR RUN 2024 & MBSP CAR FREE MORNING* - 3 MAC 2024

19 | MAJLIS SAMBUTAN HARI WANITA SEDUNIA 2024 PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG - 7 MAC 2024

20 | MAJLIS PERASMIAN KERJA-KERJA NAIKTARAF LANDSKAP DI KAWASAN LAPANG LORONG AKASIA 15, TAMAN SERI AKASIA, SEBERANG PERAI TENGAH - 8 MAC 2024

21 | PROGRAM KAYUHAN AMAL AMBANG RAMADHAN TAHUN 2024 - 10 MAC 2024

22 | PROGRAM KEMPEN CABARAN ZERO WASTE@BAZAAR RAMADAN SEMPENA HARI BUMI SEDUNIA 2024 BERSAMA PERSATUAN PENDIDIK LESTARI HIJAU PULAU PINANG (*GREW*) - 19 MAC 2024

23 | MAJLIS PERASMIAN PROJEK CARETON BERSAMA TETRA PAK DAN NESTLE MILO UHT MALAYSIA BAGI KEMPEN KUTIPAN KOTAK MINUMAN UNTUK DIKITAR SEMULA - 23 MAC 2024

ISI KANDUNGAN

24 | PROGRAM 'MENGIMBAU NOSTALGIA HARI RAYA' ANJURAN
PUSPANITA MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
- 25 MAC 2024

25 | PROGRAM IFTAR JAMA'IE BERSAMA YB TIMBALAN KETUA
MENTERI I PULAU PINANG DI MASJID JAMEK KUBANG
SEMANG SEBERANG PERAI TENGAH - 26 MAC 2024

26 | "STREET IFTAR" BERSAMA YAB KETUA MENTERI TUAN CHOW
KON YEOW - 3 APRIL 2024

27 | MAJLIS RUMAH TERBUKA AIDILFITRI MBSP 2024 - 17 APRIL 2024

28 | MAJLIS PELANCARAN PENGUMPULAN BARANGAN ELEKTRIK
DAN ELEKTRONIK TERPAKAI ISI RUMAH ANJURAN PERSATUAN
UGAMA BUDDHA BUTTERWORTH - 21 APRIL 2024

29 | PROGRAM PENANAMAN POKOK (*24 HOURS PLANTING
CHALLENGE MBSP: TREE FEST*) SEMPERA SAMBUTAN HARI
BUMI (*EARTH DAY 2024*) - 22 APRIL 2024





Yang Berhormat Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah hadir menyempurnakan Majlis Penyampaian Hadiah PAM - MBSP *Architectural Design Ideas Competition* untuk Pasar Awam Bukit Mertajam yang telah berlangsung di Dewan Kenanga, Menara Bandaraya, MBSP Bandar Perda, Bukit Mertajam. Majlis penyampaian hadiah ini turut dihadiri oleh YB Tuan H'ng Mooi Lye, EXCO Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa Negeri Pulau Pinang; YB Tuan Danial Gooi Zi Sen, EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap ADUN Padang Lalang; YB Tuan Lee Khai Loon, ADUN Machang Bubok; YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT, YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, Datuk Bandar Seberang Perai; YBhg. Dato' Mohd Fadzli bin Mohd Kenali, Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan; YBrs. Ar Abu Zarim bin Abu Bakar, Presiden PAM; barisan Ahli-Ahli Majlis MBSP, Setiausaha Bandaraya serta ketua-ketua Jabatan dan pegawai kanan agensi terlibat.



MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PAM-MBSP ARCHITECTURAL DESIGN IDEAS COMPETITION FOR PASAR AWAM BUKIT MERTAJAM (4 JANUARI 2024)



YB Menteri juga turut berkesempatan untuk menyampaikan hadiah kepada para pemenang yang telah berjaya dalam pertandingan ini yang mana tempat pertama dimenangi oleh BETA Architects, tempat kedua pula dimenangi oleh BYG Architecture Sdn Bhd, tempat ketiga dimenangi oleh KSEEEK Architects Sdn Bhd manakala 7 peserta akhir yang lain telah memenangi hadiah saguhati.

Tahniah kepada semua pemenang dan diharapkan projek naiktaraf ini dapat dilaksanakan secepat mungkin bagi menyediakan kemudahan terbaik serta memenuhi keperluan rakyat dalam mewujudkan bandar Seberang Perai yang lebih mampan serta menjamin kemakmuran dan kesejahteraan khususnya bagi Komuniti Seberang Perai.

Secara ringkasnya, Majlis Bandaraya Seberang Perai bersama Pertubuhan Aitek Malaysia (PAM) telah menganjurkan pertandingan "PAM - MBSP Architectural Design Ideas Competition For Pasar Awam Bukit Mertajam" bagi memilih rekabentuk yang paling sesuai bagi membangunkan semula wajah baharu Pasar Awam Bukit Mertajam.

Oleh itu, satu sesi penjurian awal pada 23 November 2023 telah diadakan oleh juri professional bagi menilai 75 penyertaan yang telah diterima dan hasilnya sebanyak 10 cadangan terbaik telah disenarai pendek untuk layak ke peringkat pembentangan akhir yang telah diadakan pada 11 Disember 2023. Hasilnya, pemarkahan pembentangan telah dinilai oleh Juri Profesional dan Juri Awam yang mana sebanyak 90 % markah adalah daripada Juri Profesional manakala sebanyak 10% adalah daripada Juri Awam.





PROGRAM TAUTAN KASIH MBSP BERSAMA ONE HOPE CHARITY TAHUN 2023 (5 JANUARI 2024)

Program Tautan Kasih Majlis Bandaraya Seberang Perai melalui Bahagian Pengurusan Sumber Manusia bersama *One Hope Charity & Welfare* bagi tahun 2023 telah diadakan di Auditorium, Menara Bandaraya, MBSP Bandar Perda, Bukit Mertajam.

One Hope Charity & Welfare merupakan salah satu Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang paling aktif menjalankan misi kebajikan di negeri ini. Justeru, *One Hope Charity* pada hari ini telah meneruskan misi bantuan dengan menyediakan 200 bakul makanan berupa keperluan asas dan wang tunai kepada 200 orang kakitangan MBSP dari pelbagai Jabatan dalaman yang bertugas dalam bidang 3D (*Dirty, Dangerous, Difficult*).

Majlis penyampaian sumbangan bantuan ini telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, Datuk Bandar Seberang Perai serta YBhg. Dato' Chua Sui Hau, Pengerusi *One Hope Charity & Welfare*. Turut hadir bersama ialah Encik Cheen Goon Hooi, Encik Zainuddin bin Mohamed dan Puan Normahani binti Muhamad, Whip Ahli Majlis MBSP, barisan Ahli-Ahli Majlis MBSP, ketua-ketua Jabatan serta pegawai kanan dari MBSP dan *One Hope Charity*.

Diharapkan dengan sumbangan ini dapat membantu menyediakan bantuan kos perubatan, sumbangan barang keperluan harian, keperluan anak-anak sekolah dan lain-lain kepada keluarga Wira Oren MBSP yang memerlukan dalam meningkatkan semangat mereka untuk terus berkhidmat kepada penduduk Seberang Perai.



Majlis Bandaraya Seberang Perai telah mengadakan Majlis Pelancaran Pusat Kitar Semula di Taman Sepadu, Tasek Gelugor, SPU dengan kerjasama daripada penduduk Taman Sepadu serta pihak pengurusan Surau Al-Mukhsinin, Taman Sepadu, Tasek Gelugor. Majlis pelancaran pusat kitar semula ini telah dirasmikan YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, Datuk Bandar Seberang Perai serta turut dihadiri oleh barisan Ahli-Ahli Majlis MBSP, Pegawai-pegawai kanan MBSP, Pengerusi Surau Al-Mukhsinin serta penduduk Taman Sepadu, SPU.

Kitar semula merupakan satu konsep penjagaan, pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar yang mana sampah boleh yang dihasilkan dikitar semula tanpa perlu dihantar ke tapak pelupusan. Memandangkan jumlah sampah harian yang dihasilkan penduduk semakin bertambah saban tahun selari dengan pertambahan populasi, maka amalan kitar semula dilihat satu alternatif yang berkesan untuk melambatkan penggunaan sumber-sumber semulajadi selain dapat mengurangkan kos pelupusan sampah.



SATU LAGI PUSAT KITAR SEMULA DILANCARKAN DI KAWASAN PENTADBIRAN MBSP PUSAT KITAR SEMULA TAMAN SEPADU, SPU (6 JANUARI 2024)





Justeru, bagi memastikan keberkesanan program kitar semula, MBSP telah menjalin kerjasama strategik dengan universiti, badan korporat, sekolah, NGO dan persatuan penduduk dengan mewujudkan pusat-pusat kitar semula di kawasan perumahan dan kampung seluruh Seberang Perai. Sehingga kini terdapat sebanyak 38 pusat kitar semula di Seberang Perai iaitu sepuluh 10 Pusat Kitar Semula di SPU, 20 Pusat Kitar Semula di SPT, dan 8 Pusat Kitar Semula di SPS.

Penubuhan Pusat Kitar Semula di Taman Sepadu adalah satu usaha bagi menggalakkan penduduk setempat menjalankan aktiviti pengasingan sisa di punca. MBSP juga mengambil inisiatif dengan memberikan sebuah sangkar kitar semula dan kotak e-waste bagi pengumpulan sisa kitar semula dan juga lampu kalimantang. Turut disumbangkan ialah set kerusi meja kitar semula untuk kegunaan penduduk setempat.

Diharap dengan adanya Pusat Kitar Semula seperti ini dapat menarik dan memupuk minat penduduk setempat untuk menjadikan amalan kitar semula sebagai satu budaya. Penglibatan komuniti setempat bersama wakil masyarakat adalah satu titik mula yang penting dalam membentuk masyarakat yang menjaga dan mencintai alam sekitar sejajar dengan misi Majlis Bandaraya Seberang Perai untuk menjadikan Seberang Perai bandar yang Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi.





MBSP TELAH MENERIMA PENGHARGAAN SEBAGAI **AGENSI YANG MEMPEROLEH PENGANUGERAHAN / PENGIKTIRAFAN TERBANYAK** DI PULAU PINANG (9 JANUARI 2024)



Majlis Bandaraya Seberang Perai telah menerima penghargaan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebagai agensi Kerajaan yang memperoleh pengiktirafan dan penganugerahan terbanyak di negeri Pulau Pinang sepanjang tahun 2023. Insentif penghargaan bernilai RM 30,000.00 telah disampaikan oleh YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang dalam Majlis Perhimpunan Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Pulau Pinang yang berlangsung di *Grand Ballroom, The Top KOMTAR*.

MBSP telah menerima penghargaan dan insentif ini setelah berjaya memperoleh 15 pengiktirafan / anugerah di peringkat Antarabangsa, Kebangsaan dan Negeri Pulau Pinang sepanjang tahun 2023 antaranya Anugerah Emas bagi Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA), Pensijilan Kualiti dari SIRIM, Anugerah *Smart City Early Adopted*, Pensijilan Malaysia Book of Records (MBR) pameran lampu LED di *Vision Park*, Sijil Anugerah Bandar Bahagia, Pencapaian Status Bandar Mampan, Anugerah *Diamond Award* bagi Projek *Bougainvillea Park*, Anugerah *National Scroll of Honour Award for Human Settlement (NHOSA)*, "*Top 10 Shortlisted Cities for Toyota Mobility Challenge 9 million Sustainable Cities Challenge*" peringkat antarabangsa dan lain-lain lagi.

YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, Datuk Bandar Seberang Perai telah mewakili MBSP bagi menerima penghargaan ini daripada YAB Ketua Menteri Pulau Pinang serta turut dihadiri oleh YB Dato' Dr. Mohamad bin Abdul Hamid, Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang; YB Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh, Timbalan Ketua Menteri 2 Pulau Pinang; YB Dato' Hj Rosli bin Isa, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang; barisan EXCO dan ADUN Kerajaan Negeri Pulau Pinang; Tuan Hj Baderul Amin bin Abdul Hamid, Setiausaha Bandaraya MBSP, Ketua-ketua Jabatan serta pegawai kanan agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Persekutuan.

YAB Ketua Menteri Pulau Pinang dalam Majlis yang sama juga turut menyampaikan amanat kepada semua penjawat awam di negeri Pulau Pinang agar terus meningkatkan usaha dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat dengan penuh ketulusan, Integriti, komited serta bekerjasama untuk mendokong hasrat Kerajaan Negeri dalam Visi *Penang 2030* bagi merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri untuk mewujudkan Pulau Pinang sebagai "*A Family - Focused Green and Smart State That Inspires the Nation*".





PERHIMPUNAN KORPORAT BANDARAYA BIL. 1/2024 (15 JANUARI 2024)

Majlis Bandaraya Seberang Perai telah mengadakan Perhimpunan Korporat Bandaraya Bil. 1 tahun 2024 di Menara Bandaraya, MBSP Bandar Perda, Bukit Mertajam pada pagi ini. YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, Datuk Bandar Seberang Perai juga telah menyampaikan amanat serta nasihat kepada semua kakitangan MBSP sempena tahun baharu 2024 ini. Turut hadir bersama dalam perhimpunan ini ialah barisan Whip serta Ahli-Ahli Majlis MBSP, Tuan Setiausaha Bandaraya, ketua-ketua Jabatan, pegawai kanan, Wira-Wira Oren serta warga kerja MBSP.





NIBONG TEBAL FESTIVAL

(21 HINGGA 22 JANUARI 2024)



Nibong Tebal Festival telah dianjurkan oleh MBSP dengan kerjasama daripada Pusat ADUN Jawi dan disokong oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Festival ini merupakan salah satu usaha MBSP untuk memangkin ekonomi masyarakat tempatan selaras dengan usaha merancakkan pembangunan semula bandar Nibong Tebal. Ianya merupakan acara yang julung kali diadakan di Seberang Perai Selatan. Pesta ini merupakan program komuniti berbentuk kesenian, kebudayaan dan warisan dengan menentang konsep "*street art performances*". Pesta ini di adakan selama dua (2) hari iaitu pada 21 Januari 2024 (Sabtu) dan 22 Januari 2024 (Ahad) dari jam 6.00 petang sehingga 11.00 malam.

Majlis perasmian Nibong Tebal Festival ini telah disempurnakan oleh YB Tuan H'ng Mooi Lye, EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap ADUN Jawi serta turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, Datuk Bandar Seberang Perai; barisan Ahli-Ahli Majlis MBSP, Puan Normaira binti Abdul Rahman, Pengarah Pembangunan Lestari merangkap Pengarah Program Nibong Tebal Festival; barisan ketua-ketua jabatan & pegawai kanan agensi Kerajaan serta penduduk sekitar.





Nibong Tebal Festival yang dibawa khas kepada penduduk Seberang Perai serta pelancong luar ini menyajikan pelbagai pengisian serta persembahan acara tempatan dan antarabangsa secara PERCUMA, yang pastinya menjanjikan kelainan. Nibong Tebal Festival meyajikan lebih daripada 30 program pengisian yang terdiri daripada persembahan artis antarabangsa iaitu Yoltic Atzin Lopez dari Mexico dan Alexandra Azzaro dari Italy, persembahan kebudayaan tempatan seperti tarian singa, wayang kulit, Penang Dhol Blaster, *World of Fire*, *hands-on workshop*, permainan tradisional, Kombi Photo Booth, Food Truck Alley dan pelbagai lagi aktiviti yang menarik sepanjang dua (2) hari berlangsungnya festival ini.



MBSP amat berharap dengan penganjuran Nibong Tebal Festival secara tidak langsung akan memangkin Local Economic Development (LED) penduduk Seberang Perai Selatan khususnya di samping menjadi tarikan pelancong daripada dalam dan luar negara.





MAJLIS PELANCARAN SEBERANG PERAI CORPORATE PRIORITIES

(23 JANUARI 2024) 2024



Majlis Bandaraya Seberang Perai telah melancarkan *Seberang Perai Corporate Priorities* pada 23 Januari 2024 yang diadakan di Dewan Kenanga, Menara Bandaraya, MBSP Bandar Perda, Bukit Mertajam. Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, Datuk Bandar Seberang Perai serta turut dihadiri oleh barisan Whip & Ahli-Ahli Majlis MBSP, ketua-ketua Jabatan dan pegawai kanan MBSP.

Seberang Perai Corporate Priorities 2024 (SPCP 2024) merupakan satu dokumen tahunan yang diadaptasi daripada Pelan Strategi 2023 - 2030 dan merupakan kesinambungan bagi SPCP 2023. SPCP 2024 dilengkapi dengan maklumat program, *Key Performance Indicator* (KPI), aktiviti serta *outcome* setiap program yang telah dirangka untuk dilaksanakan sepanjang tahun 2024.



Pelan Tindakan Strategi Seberang Perai 2023-2024 yang terkandung dalam dokumen ini merupakan hala tuju MBSP bagi tahun 2024 dalam usaha untuk menjadikan tahun 2024 lebih cemerlang dan memberi impak positif dalam membina sebuah organisasi yang unggul di peringkat negeri, negara dan persada antarabangsa. Terdapat lima (5) fokus utama dalam menentukan hala tuju MBSP iaitu Pemantapan Pembersihan, Pemerkasaan Penguatkuasaan, Peningkatan Hasil, Bandaraya Tarikan Pelancong dan Bandaraya Sukan. Fokus ini direalisasikan melalui 86 program dan 108 aktiviti yang disusun mengikut 10 keutamaan Strategik (*Strategic Priorities*).

Pembentukan SPCP 2024 merupakan satu perancangan atau komitmen MBSP kepada semua *stakeholders* dalam menjayakan Visi dan Misi MBSP. Dokumen induk ini dijadikan sebagai pandu arah kepada warga kerja MBSP dan warga Seberang Perai untuk mencapai hasrat bersama. Ia juga dapat dijadikan sebagai panduan dan perancangan kerja komprehensif untuk menjadikan MBSP sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang terbuka, interaktif, cekap dan mesra masyarakat.





Majlis Bandaraya Seberang Perai telah menganjurkan Seberang Perai *Cycling Day* Siri 4/2024 bagi bulan April yang diadakan di perkarangan Kompleks Sukan MBSP Bertam, SPU pada pagi ini. Peserta program kayuhan bulanan disertai penduduk Seberang Perai dan kakitangan MBSP serta turut dihadiri Ketua Jabatan dan Pegawai Kanan MBSP.


Seberang Perai *Cycling Day* (SPCD) ini diadakan bertujuan untuk merencanakan lagi program merakyatkan MBSP bersama warga Seberang Perai secara berbasikal. Program ini melibatkan aktiviti kayuhan santai bersama orang awam yang akan diadakan pada setiap bulan secara percuma di beberapa lokasi menarik seluruh Seberang Perai. Disamping dapat bersenam menyihatkan badan, peserta turut disajikan dengan permadangan Seberang Perai pada waktu pagi di beberapa lokasi menarik yang telah direncanakan.

MBSP akan mengeluarkan pemakluman tarikh dan lokasi seterusnya bagi program ini di media sosial dan orang ramai yang berminat dengan sukan berbasikal boleh bersama-sama menyertai program ini kelak. Setiap peserta program juga akan dibekalkan minuman dan makanan pagi secara percuma selepas acara tamat dan tiada halangan kepada jenis basikal dan peringkat umur peserta. Peserta yang paling banyak menyertai program ini dengan scan QR Code yang disediakan pada setiap bulan berpeluang memenangi hadiah menarik kelak.

SEBERANG PERAI CYCLING DAY SIRI 4/2024 (27 APRIL 2024)







PROJEK REHABILITASI YANG PERTAMA DI MALAYSIA BAKAL DIBANGUNKAN DI TAPAK PELUPUSAN SANITARI PULAU BURUNG, SPS (27 JANUARI 2024)

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzy Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang telah menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian Perkhidmatan Rehabilitasi Fasa 1, Tapak Pelupusan Sanitari Pulau Burung Serta Kerja-Kerja Pembangunan di Lot 4494, 4495, 4496 & PT 517, Mukim 11, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang antara Majlis Bandaraya Seberang Perai yang diwakili oleh YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, Datuk Bandar Seberang Perai dan Syarikat AE Carbon Capital Sdn. Bhd. yang diwakili oleh YBhg. Dato Lathpi bin Dato' Ahmad, Pegawai Eksekutif yang telah diadakan di *The Ship Campus*, Batu Kawan, SPS.

Selain itu, turut hadir bersama dalam majlis bersejarah ini ialah YB Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh, Timbalan Ketua Menteri 2 Pulau Pinang; YB Dato' Seri Sundarajoo a/l Somu, EXCO Perumahan dan Alam Sekitar Pulau Pinang; YB Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh, Ahli Parlimen Bukit Gelugor; YBhg. Dato' Seri Abdul Rahman Mydin & Mr. Vitaya Panichpong, Ahli Lembaga Syarikat AECC; barisan Ahli-Ahli Majlis MBSP, ketua-ketua Jabatan serta pegawai kanan agensi terlibat.



Tapak Pelupusan Sanitari Pulau Burung adalah merupakan tapak pelupusan akhir sampah bagi negeri ini dan merupakan infrastruktur penting dalam sistem pengurusan sisa pepejal bagi menjamin kesejahteraan masyarakat. Tapak pelupusan ini mempunyai tiga (3) fasa dan projek rehabilitasi ini akan dimulakan di kawasan Fasa 1 yang berkeluasan 80 ekar yang mana ianya telah pun mencapai kapasiti maksima dan telah ditutup. Fasa ini akan direhabilitasi iaitu terlibat dengan pemulihan tapak dengan kaedah perlombongan tapak pelupusan dan bakal dijadikan ladang solar atau kaedah lain yang sesuai.

Justeru, MBSP telah mengeluarkan tender Request for Proposal (RFP) untuk melantik mana-mana syarikat yang layak bagi merealisasikan projek rehabilitasi / memulihkan semula tapak pelupusan dengan kaedah-kaedah penggunaan teknologi yang membolehkan penukaran sisa kepada tenaga. Menerusi RFP ini, Syarikat AE Carbon Capital Sdn. Bhd. (AECC) telah berjaya dilantik oleh MBSP dan tempoh kontrak yang diberikan adalah selama 25 tahun. Perkhidmatan rehabilitasi ini bakal dibiayai sepenuhnya oleh pihak syarikat AE Carbon Capital Sdn Bhd dan MBSP tidak menanggung sebarang kos dalam projek ini.



Tambahan pula, kawasan Fasa 1, Tapak Pelupusan Sanitari Pulau Burung yang telah digunakan dengan kemasukan sisa-sisa sejak 19 tahun yang lalu dianggarkan mempunyai kapasiti sampah lama yang tinggi dan sesuai untuk dikorek semula bagi penghasilan 'Refuse-Derived Fuel' (RDF) untuk digunakan bagi menjana elektrik atau perindustrian simen. Pihak AECC juga akan menjalankan aktiviti ladang solar yang akan bermula sebaik selesai proses 'landfill mining' tersebut.

Semoga dengan wujudkan projek rehabilitasi di Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung, SPS ini bakal menjadi projek yang pertama dijalankan di Malaysia dalam usaha untuk mewujudkan bandar Seberang Perai yang lebih sihat, bersih, hijau dan bandar pintar yang dipacu oleh teknologi selari dengan Visi Kerajaan Negeri Pulau Pinang menerusi *Penang2030 "A Family-Focused Green and Smart States That Inspires The Nation"*.



Majlis Bandaraya Seberang Perai dengan kerjasama daripada Canon Marketing (Malaysia) Sdn. Bhd. dan Shorebirds Peninsular Malaysia Project (SPMP) telah menganjurkan *World Wetlands Day Celebrations 2024* atau dikenali sebagai Sambutan Hari Tanah Lembap Sedunia yang diadakan di Jeti Nelayan Sungai Tembus, Penaga, Seberang Perai Utara.

Majlis perasmian program ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Sundarajoo a/l Somu, EXCO Perumahan dan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang serta turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, Datuk Bandar Seberang Perai; YBrs. Encik Zainuddin bin Mohamed, Whip Ahli Majlis MBSP, barisan Ahli-Ahli Majlis MBSP, YBrs. Tuan Hj Baderul Amin bin Abdul Hamid, Setiausaha Bandaraya MBSP, YBhg. Dr. Nur Munira binti Azman, Coordinator of Shorebirds Peninsular Malaysia Project; Encik Daren Tan, Head of Penang Branch Canon Marketing (M) Sdn Bhd, ketua-ketua Jabatan serta pegawai kanan agensi terlibat.

PROGRAM *WORLD WETLANDS DAY 2024* DI SUNGAI TEMBUS (27 JANUARI 2024)





YB EXCO, Datuk Bandar serta para jemputan turut berpeluang melawat sekitar pesiran sungai dan pantai dengan menaiki bot di kawasan yang telah diiktiraf sebagai Kawasan Biodiversiti Utama (*Key Biodiversity Area - KBA*) di Malaysia iaitu di pesisir Teluk Air Tawar hingga ke Kuala Muda, SPU. Secara umumnya, kebanyakan spesies burung yang boleh dijumpai di kawasan ini adalah burung migrasi yang berasal dari Timur Laut Benua Asia termasuk Rusia, Mongolia, China, Jepun dan Korea yang akan datang ke Malaysia setiap tahun antara bulan Oktober hingga Mac.





Secara lazimnya setiap musim terdapat lebih kurang 65 spesies dengan anggaran 15,000 ekor burung air dan burung pantai migrasi yang ada di sekitar kawasan persisir pantai, lembah sungai dan kawasan sawah padi di Penaga. Burung-burung akan singgah mencari makanan sewaktu air laut surut. Kawasan persisir di SPU ini amat berpotensi dijadikan pusat pelancongan yang baharu di Seberang Perai dan juga kesannya turut boleh dirasakan penduduk sekitar dengan membantu menambah sumber pendapatan mereka terutama kepada nelayan tempatan.

Justeru, marilah bersama-sama kita memelihara alam semula jadi terutama di sekitar kawasan pantai dan sungai dengan memastikan tiada pembuangan sampah dan sisa secara tidak terkawal sehingga mengganggu ekosistem sedia ada dalam usaha untuk mewujudkan Seberang Perai yang lebih mampan, bersih serta mewujudkan bandar eco-pelancongan kelak.





PENJUALAN MINYAK MASAK TERPAKAI (29 JANUARI 2024)

Majlis Bandaraya Seberang Perai melalui Jabatan Perkhidmatan Perbandaran telah menganjurkan program Pembelian Minyak Masak Terpakai di Menara MBSP, Bandar Perdana, Bukit Mertajam. Program yang dianjurkan bersama Syarikat Arus Oil telah mendapat sambutan yang baik oleh penduduk Seberang Perai dengan penyertaan lebih 50 orang serta hasil pembelian sebanyak 747.92 Kilogram (kg) minyak masak terpakai.



Program ini diadakan bagi menyediakan tempat penjualan minyak masak terpakai kepada penduduk Seberang Perai dengan kos pembelian sebanyak RM 2.50 bagi setiap kilogram disamping dapat melindungi alam Sekitar Alam dengan mengamalkan kitar semula minyak masak terpakai tanpa perlu dibuang merata-rata tempat sehingga kerosakan Alam Sekitar.





PERASMIAN PINTU GERBANG KEPALA BATAS (29 JANUARI 2024)

Mercu tanda baharu di Pulau Pinang iaitu pintu gerbang di Kepala Batas, SPU kini mula bercahaya serta telah sempurna dirasmikan oleh YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang pada malam ini. Turut hadir bersama dalam majlis perasmian ini ialah YB Tuan Zairil Khir Johari, EXCO Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital Negeri Pulau Pinang; YB Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican, ADUN Bertam; YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, Datuk Bandar Seberang Perai; barisan Whip & Ahli-Ahli Majlis MBSP; Tuan Setiausaha Bandaraya; ketua-ketua Jabatan serta pegawai kanan agensi terlibat dan warga Kepala Batas.

Projek pintu gerbang Kepala Batas merupakan yang pertama dilaksanakan oleh MBSP dan ianya merupakan salah satu daripada tiga (3) projek yang telah diluluskan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada tahun 2022. Pintu gerbang ini kini menjadi mercu tanda masuk ke negeri Pulau Pinang dari utara tanah air. Projek ini telah bermula pada 22 Mac 2023 dan disiapkan sepenuhnya pada 21 Disember 2023 dengan menggunakan peruntukkan daripada KPKT dan MBSP.





Wira Oren MBSP telah membantu membina replika periuk besar dengan menggunakan bahan kitar semula dan telah dipamerkan dalam satu program Pesta Ponggal anjuran MPKK Taman Supreme sebagai pengurus program yang diketuai oleh Encik Ponnudurai a/I V Anthony Srinvasagam, Ahli Majlis MBSP di Dewan Serbaguna Taman Chai Leng, Perai.

Wira Oren dari Unit *Upcycle*, Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MBSP yang terdiri daripada 7 orang kakitangan telah menghasilkan replika ini dengan menggunakan sebanyak 1,698 biji tayar terpakai dan bahan buangan lain seperti tong sampah MGB yang telah rosak, paip PVC, kayu, botol plastik dan tiub tayar motosikal. Hasilnya, replika periuk bersaiz 3.84 Meter dengan diameter 3.62 Meter telah berjaya dihasilkan dan diiktiraf dalam "The Malaysia Book of Records" sebagai "Biggest Ponggal Pot Replica Made of Recycled Materials".

Replika periuk ini telah disiapkan dan dipamerkan semasa program Pesta Ponggal yang telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Sundarajoo a/I Somu, EXCO Perumahan dan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang serta turut dihadiri oleh YB Tuan Kumaran a/I Krishnan, ADUN Bagan Dalam, YB Tuan Lee Khai Loon, ADUN Machang Bubok, barisan Ahli Majlis MBSP, dif-dif jemputan serta kakitangan MBSP.

REPLIKA PERIUK BESAR TELAH DIHASILKAN DENGAN MENGUNAKAN BAHAN KITAR SEMULA (4 FEBRUARI 2024)





Majlis Bandaraya Seberang Perai dengan jalinan kerjasama daripada Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) telah mengadakan Majlis Pelancaran “GRPB Champion Award MBSP tahun 2024 yang diadakan di Auditorium, Menara Bandaraya, MBSP Bandar Perda, Bukit Mertajam. Majlis pelancaran ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, Datuk Bandar Seberang Perai serta turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Ong Bee Leng, CEO PWDC; barisan Whip serta Ahli-Ahli Majlis MBSP; Tuan Setiausaha Bandaraya; ketua-ketua Jabatan serta pegawai kanan MBSP.



MAJLIS PELANCARAN “GRPB CHAMPION AWARD MBSP” TAHUN 2024 (7 FEBRUARI 2024)



Majlis Bandaraya Seberang Perai telah bekerjasama dengan pihak PWDC dalam melaksanakan Bajet Responsif Gender dan Partisipatori atau 'Gender Responsive and Participatory Budgeting' (GRPB) sejak tahun 2012 hingga kini. Pelaksanaan GRPB 'The Penang Model' ini bertujuan untuk memastikan setiap sen yang dibelanjakan adalah berorientasikan rakyat dan memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat. Justeru, bagi menyokong Dasar Keterangkuman Gender, MBSP telah menubuhkan Unit Keterangkuman Gender yang pertama di Malaysia bagi memastikan keseimbangan gender di MBSP adalah mengikut nisbah 40% lelaki, 40% wanita dan 20% terbuka kepada lelaki dan wanita.



Pertandingan ini juga merupakan satu landasan bagi jabatan / bahagian / unit dalam MBSP untuk menggunakan pengetahuan dan pengalaman dalam melaksanakan projek / program dengan mendapatkan penyertaan atau partisipatori daripada rakyat Seberang Perai sebelum dinilai oleh juri-juri profesional dalam bidang yang berbeza dan juga juri-juri awam. Tahun ini merupakan kali ketiga MBSP dengan kerjasama PWDC menganjurkan “GRPB Champion Award”.



MAJLIS PENYERAHAN KERUSI BATU DAN SIJIL KONTRAKTOR CEMERLANG PULAU AMAN

(20 FEBRUARI 2024)



Majlis Bandaraya Seberang Perai telah mengadakan Majlis Penyerahan Kerusi Batu dan Penyampaian Sijil Kontraktor Cemerlang Pulau Aman yang diadakan di Dewan Orang Ramai Pulau Aman, SPS. Majlis penyerahan ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, Datuk Bandar Seberang Perai serta turut dihadiri oleh barisan Whip & Ahli-Ahli Majlis MBSP; Tuan Setiausaha Bandaraya; ketua-ketua Jabatan; pegawai kanan MBSP; Pengerusi MPKK Pulau Aman serta kakitangan pembersihan Pulau Aman.





Justeru, bagi menambah keceriaan Pulau ini, MBSP telah menyerahkan tujuh (7) buah kerusi batu rekreasi dan tiga (3) set kerusi dan meja batu yang diperbuat daripada bahan yang dikitar semula seperti guni, kain buruk, besi dan simen. Penyerahan kerusi dan meja batu, adalah salah satu inisiatif MBSP untuk keselesaan awam untuk berehat atau bersantai serta mengukuhkan hubungan komuniti.





Majlis Bandaraya Seberang Perai telah menganjurkan Program *Forest Bathing* Siri 1 Tahun 2024 dan Penanaman Pokok Bakau Sempena Sambutan Hari Tanah Lembap (*World Wetland Day*) Tahun 2024 di Denai @ Kampung Sungai Chenaam, Nibong Tebal, SPS. Majlis perasmian program ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Rashidi bin Zinol, Exco Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan Dan Luar Bandar merangkap ADUN Sungai Aceh serta turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, Datuk Bandar Seberang Perai; YBrs. Encik Tan Choo Eng, Pengerusi *Malaysian Nature Society* (MNS) Pulau Pinang, Encik Shaqhrony bin Md Yusoff @ Jamaludin, Pengarah Landskap MBSP; Encik Ilias bin Shafie, Pengerusi *Penang Inshore Fisherman Welfare Association* (PIFWA), pegawai kanan serta kakitangan MBSP, Pengerusi MPKK dan penduduk Sungai Chenaam, Nibong Tebal.

Program "*Forest Bathing*" merupakan aktiviti yang tidak memerlukan tenaga yang banyak dan tidak menggunakan wang ringgit tetapi dapat menyihatkan tubuh badan. Selain itu juga, aktiviti "*Forest Bathing*" ini boleh dilaksanakan bersama keluarga sekaligus dapat mengeratkan silaturahimsesama keluarga. Program ini dianjurkan secara percuma yang meliputi ketiga-tiga daerah dan terbuka kepada seluruh penduduk Seberang Perai.



PROGRAM **FOREST BATHING** SIRI 1 TAHUN 2024 DAN PENANAMAN POKOK BAKAU SEMPENA SAMBUTAN HARI TANAH LEMBAP (**WORLD WETLAND DAY**) TAHUN 2024 (26 FEBRUARI 2024)





OPERASI *CROW SHARPSHOOTER (OPS CroSS)* MBSP EDISI MINI 1 TAHUN 2024 (2 MAC 2024)

Majlis Bandaraya Seberang Perai telah mengadakan Operasi Crow Sharpshooter (*OPS CroSS*) MBSP Edisi Mini 1 tahun 2024 pada 2 Mac 2024 yang lalu. Program ini adalah bertujuan untuk mengawal populasi burung gagak di lokasi terpilih (*hotspot*) di seluruh Seberang Perai. Seramai 17 orang penembak terpilih dari edisi yang lepas telah dijemput untuk menyertai operasi ini dalam usaha untuk mengurangkan populasi burung gagak serta dibantu oleh penyelidik dari USM untuk membuat penyelidikan dalam usaha untuk MBSP melaksanakan pelan tindakan dan strategi kawalan gagak berasaskan bukti saintifik kelak.





Sebanyak 2,100 ekor burung gagak telah berjaya dilupuskan dalam Operasi Crow Sharpshooter (*Ops CroSS*) MBSP Edisi Mini 1 tahun 2024 pada kali ini. Majlis diserikan lagi dengan kehadiran Ahli-Ahli Majlis MBSP dan Ketua Jabatan serta Pegawai Kanan MBSP dalam program tersebut. Semoga dengan usaha ini dapat membantu mengurangkan populasi gagak dan usaha ini juga akan diteruskan dalam edisi selanjutnya kelak.



CHINESE NEW YEAR RUN 2024 & MBSP CAR FREE MORNING

(3 MAR 2024)





Majlis Bandaraya Seberang Perai telah menganjurkan *Chinese New Year Run 2024* dan *MBSP Car Free Morning* pada 3 Mac 2024 (Ahad) yang lalu bertempat di *Sunway Carnival Mall*, Jalan Todak 2, Seberang Jaya, Seberang Perai Tengah.

Sesi *Flag-Off* peserta *Chinese New Year Run 2024* telah disempurnakan oleh Ahli Majlis MBSP. Turut hadir pada program tersebut adalah Pegawai Kanan dan kakitangan MBSP.

Selain itu, antara aktiviti-aktiviti menarik yang disediakan kepada para pengunjung MBSP *Car Free Morning* adalah *Walkabout* ke Booth *Car Free Morning*, Senamrobik, Zumba oleh Kumpulan *Crystal Boy*, Persembahan Tarian Singa, Penyampaian *Plaque* Penghargaan dan Cabutan Bertuah.





MAJLIS SAMBUTAN HARI WANITA SEDUNIA 2024 PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG (7 MAC 2024)

Datuk Bandar MBSP menghadiri Majlis Sambutan Hari Wanita Sedunia 2024 Peringkat Negeri Pulau Pinang pada 7 Mac 2024 bertempat di Dewan Tuanku Syed Putra, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Sambutan Hari Wanita peringkat negeri ini merupakan salah satu usaha yang diketengahkan bagi menggambarkan realiti kejayaan dan cabaran yang bakal dihadapi oleh wanita dalam menghadapi dunia B.A.N.I iaitu Brittle (Rapuh), Anxious (Merisaukan), Non Linear (Tidak linear) dan *Incomprehensible* (Sukar difahami). Bertemakan INSPIRASIKAN KETERANGKUMAN, ini merupakan salah satu tunjang kepada Matlamat Pembangunan Lestari atau SDG Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu Kesaksamaan Gender (SDG 5) dan Mengurangkan Ketidaksamarataan (SDG 10).







MAJLIS PERASMIAN KERJA-KERJA NAIKTARAF LANDSKAP DI KAWASAN LAPANG LORONG AKASIA 15, TAMAN SERI AKASIA, (8 MAC 2024) SEBERANG PERAI TENGAH

Pelaksanaan kerja-kerja naiktaraf kemudahan rekreasi atau riadah adalah merupakan antara perkhidmatan teras Majlis Bandaraya Seberang Perai yang melibatkan dua (2) komponen utama iaitu landskap kejur (*hardscape*) dan landskap lembut (*softscape*).

Bagi merealisasikan visi MBSP untuk menjadikan Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar di Pacu oleh Teknologi, beberapa program membangunkan kawasan lapang di kawasan-kawasan yang strategik di Seberang Perai telah dikenalpasti.

Pembangunan naiktaraf landskap ini merupakan antara langkah penambahbaikan ke atas kemudahan-kemudahan rekreasi atau riadah sedia ada di samping dapat memberi nilai tambahan (*added value*) ke atas kawasan-kawasan lapang sedia ada yang berfungsi sebagai 'Green Lung' untuk kegunaan masyarakat setempat.





Majlis turut diserikan lagi dengan kehadiran YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, Datuk Bandar Seberang Perai; Ahli-Ahli Majlis MBSP; Tuan Setiausaha Bandaraya; Pegawai-Pegawai Kanan MBSP; Ahli Jawatankuasa Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), Taman Seri Akasia dan Simpang Tiga, Kubang Ulu serta warga Taman Seri Akasia.



PROGRAM KAYUHAN AMAL AMBANG RAMADHAN TAHUN 2024 (10 MAC 2024)

Program Kayuhan Amal Ambang Ramadhan Tahun 2024 anjuran Kelab Rakan Prihatin Pulau Pinang dengan kerjasama Yayasan Amal TYT Pulau Pinang telah diadakan pada 10 Mac 2024 (Ahad) bertempat di Robina Eco Park, Seberang Perai Utara.

Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang serta turut dihadiri oleh Yang Berhormat Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican, ADUN Bertam; Yang Berhormat Azmi bin Alang, ADUN Telok Ayer Tawar; YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, Datuk Bandar Seberang Perai dan Dato' Haji Ahmad Haji Rahiza bin Abd. Jalil, Pengerusi Program Kayuhan Amal Ambang Ramadhan merangkap Pengerusi Kelab Rakan Prihatin Pulau Pinang serta barisan dif-dif jemputan.



Kayuhan sejauh 23 KM ini bermula dari Robina Eco Park, Teluk Air Tawar hingga ke Penang Golf Resort, Kepala Batas. Selain itu, majlis penyampaian sumbangan keperluan kepada 100 penerima dari golongan B40 turut diadakan bersempena kedatangan bulan Ramadhan ini. Program sumbangan diadakan di Sekolah Kebangsaan Permatang Tok Jaya, Seberang Perai Utara dan disampaikan oleh Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau.



Program kayuhan diteruskan ke destinasi seterusnya dengan Perasmian *Outlet Richiamo Coffee* bertempat di Pokok Sena, Seberang Perai Utara. Majlis perasmian ini juga telah disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau. Turut hadir bersama Yang Berhormat Mohd Sobri bin Saleh, ADUN Permatang Berangan.

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau bersama para peserta menamatkan kayuhan di Penang Golf Resort, Kepala Batas pada jam 11.30 pagi.





PROGRAM KEMPEN CABARAN ZERO WASTE@BAZAAR RAMADAN SEMPENA HARI BUMI SEDUNIA 2024 BERSAMA PERSATUAN PENDIDIK LESTARI HIJAU PULAU PINANG (GREW) (19 MAC 2024)



Majlis Bandaraya Seberang Perai telah menganjurkan Program Kempen Cabaran Zero Waste @ Bazaar Ramadan Sempena Hari Bumi Sedunia 2024 Bersama Persatuan Pendidik Lestari Hijau Pulau Pinang (GREW) pada 19 Mac 2024 (Selasa) bertempat di Bazaar Ramadan Bandar Putra Bertam, Kepala Batas, SPU.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, Datuk Bandar Seberang Perai. Majlis ini turut diserikan lagi dengan kehadiran Ahli-Ahli Majlis MBSP; Pegawai-Pegawai Kanan MBSP dan Encik Khou Jerome, Pengerusi Persatuan Pendidik Lestari Hijau Pulau Pinang.

Bagi menjayakan program ini, Persatuan Pendidik Lestari Hijau Pulau Pinang (Grew) bekerjasama dengan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) menggalakkan orang ramai supaya mengurangkan penggunaan penyedut minuman plastik dan barangan plastik sekali guna di bazar ramadan melalui Kempen Cabaran Zero Waste @ Bazar Ramadan. Program ini melibatkan penyertaan sebanyak 40 orang pelajar daripada Sekolah Menengah Sekolah Menengah Kampung Kastam.



Program ini dapat memupuk warga Seberang Perai untuk membeli tanpa membazir iaitu ke arah sifar sisa makanan. Amalan zero waste seperti ini akan menjadikan masyarakat untuk lebih menghargai sumber bumi dalam melestarikan alam sekitar dan sedar bukan plastik sahaja yang menjadi punca pencemaran alam sekitar.



Majlis Bandaraya Seberang Perai dengan kerjasama Syarikat Tetra Pak (M) Sdn. Bhd. dan Nestle Milo UHT Malaysia telah menganjurkan Projek *Careton* Bersama Tetra Pak & Nestle Milo UHT Malaysia Bagi Kempen Kutipan Kotak Minuman Untuk Dikitar Semula pada 23 Mac 2024 (Sabtu) bertempat di *West Entrance Lobby, Sunway Carnival Mall, Seberang Jaya*.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Yang Berusaha Tuan Haji Baderul Amin Bin Abdul Hamid, Setiausaha Bandaraya, Majlis Bandaraya Seberang Perai. Turut serta hadir bersama adalah Ahli-Ahli Majlis MBSP; Pegawai-Pegawai Kanan MBSP; Puan Terryz Tan, Sustainability Director, ASEAN Region, Tetra Pak (M) Sdn. Bhd., Syarikat Nestle Milo UHT Malaysia; warga kerja MBSP serta para pengunjung. Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) memainkan peranan yang penting dalam mengekalkan persekitaran kawasan pentadbiran MBSP berada dalam keadaan yang bersih dan sihat.

MAJLIS PERASMIAN PROJEK CARETON BERSAMA TETRA PAK DAN NESTLE MILO UHT MALAYSIA BAGI KEMPEN KUTIPAN KOTAK MINUMAN UNTUK DIKITAR SEMULA (23 MAC 2024)





PUSPANITA Majlis Bandaraya Seberang Perai telah mengadakan program 'Mengimbau Nostalgia Hari Raya' di MBSP pada 25 Mac 2024 (Isnin) bersamaan 14 Ramadan 1445H bertempat di Tapak Perhimpunan Korporat, Menara Bandaraya, Jalan Perda Utama, Bandar Perda, Bukit Mertajam, Pulau Pinang.



PROGRAM 'MENGIMBAU NOSTALGIA HARI RAYA' ANJURAN PUSPANITA MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (25 MAC 2024)



Majlis ini turut diserikan lagi dengan kehadiran YBhg. Dato' Azhar Bin Haji Arshad, Datuk Bandar Seberang Perai. Turut serta hadir bersama adalah YBhg. Dato' Khoo Chin Wei, Pengarah Urusan KB Soon Huat Motor Sdn. Bhd.; Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Seberang Perai; YBrs. Tuan Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid, Setiausaha Bandaraya; YBrs. Puan Noraishah binti Hashim, Timbalan Pengerusi PUSPANITA Majlis Bandaraya Seberang Perai; Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan Majlis Bandaraya Seberang Perai dan Ahli-Ahli PUSPANITA Majlis Bandaraya Seberang Perai serta Warga Kerja Majlis Bandaraya Seberang Perai.



Melalui program 'Mengimbu Nostalgia Hari Raya' ini, diharapkan kita semua dapat menerap dan menghargai nilai-nilai tradisional di dalam membuat persiapan hari raya termasuk kesan sosial dan budaya yang positif. Selain itu, melalui usaha dan program kitar semula yang kita telah dilaksanakan, ianya merupakan satu aktiviti untuk menggalakkan usaha dalam melestarikan alam sekitar dan mendidik warga Seberang Perai khususnya tentang kepentingan kitar semula dan pengurusan alam sekitar untuk mewujudkan sebuah bandaraya rendah karbon yang berdayahuni, dalam menzahirkan, “Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau Dan Kompetitif”.







PROGRAM **IFTAR JAMA'IE** BERSAMA YB TIMBALAN KETUA MENTERI I PULAU PINANG DI MASJID JAMEK KUBANG SEMANG SEBERANG PERAI TENGAH (26 MAC 2024)

Datuk Bandar MBSP telah menerima jemputan ke Program Iftar Jama'ie Bersama Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang di Masjid Jamek Kubang Semang, SPT pada 26 Mac 2024 (Selasa) bersamaan 15 Ramadhan 1145H.







"STREET IFTAR" BERSAMA YAB KETUA MENTERI TUAN CHOW KON YEOW (3 APRIL 2024)

Majlis "Street Iftar" Bersama YAB Ketua Menteri Tuan Chow Kon Yeow telah dihadiri oleh Datuk Bandar MBSP pada 3 April 2024 (Rabu) bersamaan 23 Ramadhan 1145H bertempat di Masjid Jamek Al-Ihsaniah, Simpang Ampat, SPS.







MAJLIS RUMAH TERBUKA AIDILFITRI MBSP 2024 (17 APRIL 2024)





Majlis Pelancaran Pengumpulan Barangan Elektrik Dan Elektronik Terpakai Isi Rumah Anjuran Persatuan Ugama Buddha Butterworth telah diadakan pada 21 April 2024 (Ahad) bertempat di 7156, Tingkat Mak Mandin 3, Butterworth, SPU. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Tuan Chee Yeeh Keen, ADUN Bagan Jermal. Turut hadir bersama adalah Yang Berhormat Puan Phee Syn Tze, ADUN Sungai Puyu; Yang Berbahagia Dato' Seri Phee Boon Poh; Ahli-Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Seberang Perai; Encik Ahmad Zabri bin Mohamed Sarajudin, Pengarah Perkhidmatan Perbandaran Majlis Bandaraya Seberang Perai serta barisan dif-dif jemputan.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada Persatuan Ugama Buddha Butterworth yang sudi menjalin kerjasama strategik dengan MBSP dalam usaha-usaha kitar semula secara khususnya dalam usaha mengumpul barangan elektrik dan elektronik terpakai isi rumah. MBSP amat-amat mengharapkan agar kerjasama strategik ini dapat diteruskan dari semasa ke semasa dalam pelaksanaan pelbagai program MBSP di Seberang Perai.

MAJLIS PELANCARAN PENGUMPULAN BARANGAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK TERPAKAI ISI RUMAH ANJURAN PERSATUAN UGAMA BUDDHA BUTTERWORTH (21 APRIL 2024)





Bersempena Pelancaran Pemungutan Barangan Elektrik dan Elektronik, MBSP berbesar hati menyumbangkan Tong Pengumpulan Lampu Kalimantanang kepada Pusat Kitar Semula Persatuan Ugama Buddha Butterworth. Selain itu, *Cycle Trend* dengan kerjasama MBSP juga menyumbangkan Tong Pengumpulan Bateri Telefon Bimbit. Diharap melalui program ini, warga Seberang Perai sentiasa berusaha secara berterusan bersama MBSP dalam merealisasikan penggunaan *MBSP Smart Consumption Model* bagi *Sustainable Development Goals* 12 & 13 iaitu *Responsible Consumption & Production* and *Climate Action*, serta menekankan pendekatan secara holistik dalam pengurusan alam sekitar untuk mewujudkan sebuah bandaraya rendah karbon yang berdayahuni, dalam menzahirkan “Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau Dan Kompetitif”.





PROGRAM PENANAMAN POKOK (24 HOURS PLANTING CHALLENGE MBSP: TREE FEST) SEMPENA SAMBUTAN HARI BUMI (EARTH DAY 2024)

(22 APRIL 2024)

Program Penanaman Pokok (24 Hours Planting Challenge MBSP : Tree Fest) Sempena Sambutan Hari Bumi (Earth Day 2024) telah diadakan pada 22 April 2024 (Isnin) bertempat di Vision Park, Bertam, SPU. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Dato' Azhar bin Hj Arshad, Datuk Bandar Seberang Perai. Turut hadir bersama adalah Ahli-Ahli Majlis MBSP; Pegawai-Pegawai Kanan dan warga kerja MBSP serta barisan dif-dif jemputan.

Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pada tahun ini melaksanakan program penanaman pokok 24 Hours Planting Challenge MBSP : Tree Fest sempena Sambutan Hari Bumi (Earth Day) tahun 2024 yang diterajui oleh Yayasan Amal Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Pejabat EXCO Perumahan Dan Alam Sekitar.





Pelaksanaan program ini merupakan komitmen MBSP di bawah Pelan Strategi Majlis Bandaraya Seberang Perai 2023-2030 dalam konteks pembangunan hijau dan persekitaran bersih iaitu sejajar dengan kempen Kerajaan Negeri iaitu *Penang 2030 A Family-Focused Green and Smart State that Inspires the Nation*. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran semua pihak mengenai pentingnya kawasan litupan hijau untuk kesejahteraan dan kualiti hidup selain usaha untuk menambahbaik ekosistem dan biodiversiti setempat. Program ini juga bertujuan memupuk semangat cintakan alam semula jadi melalui penanaman pelbagai jenis pokok kepada segenap lapisan masyarakat.







Menara Bandaraya
Jalan Perda Utama, Bandar Perda
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang



04-549 7555



04-538 9700



www.mbsp.gov.my



Majlis Bandaraya Seberang Perai



Seberang Perai City Channel



[seberangperaicitycouncil](https://www.instagram.com/seberangperaicitycouncil)



[mbsp_pg](https://twitter.com/mbsp_pg)



https://t.me/mbsp_pg



[mbsp_official](https://www.tiktok.com/@mbsp_official)



BULETIN MBSP

BIL 1/2023